

**DR. 28/2007**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

[ ]

BAHAWASANYA kebersihan ialah suatu perkara dalam Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan;

DAN BAHAWASANYA perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam sekarang ini ditadbirkan oleh pelbagai pihak berkuasa tempatan;

DAN BAHAWASANYA dihasratkan supaya ada undang-undang dan dasar yang seragam dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan;

DAN BAHAWASANYA bagi maksud keseragaman itu kuasa eksekutif diletakhakkan pada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta* ];

DAN BAHAWASANYA adalah suai manfaat Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, suatu Akta yang diperbuat menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, dipinda berbangkit daripada peletakhakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan dengan sesuatu Negeri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan.

(4) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(5) Walau apa pun subseksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* —

- (a) mengecualikan mana-mana bahagian mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan daripada peruntukan Akta ini; dan
- (b) meluaskan peruntukan Akta ini supaya terpakai bagi keseluruhan atau mana-mana kawasan atau bahagian mana-mana kawasan dalam Negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan.

**Pindaan seksyen 133**

2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dipinda dalam seksyen 133 dengan memotong perenggan (viii) dan (xix).

### **Kecualian**

3. Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang pada masa ini berkuat kuasa dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan atau kawasan bukan pihak berkuasa tempatan hendaklah terus berkuat kuasa melainkan jika dan sehingga Akta ini dan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 mula dikuatkuasakan berkenaan dengan kawasan itu.

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ("Akta 133"). Pindaan ini adalah perlu berikutan dengan pembuatan suatu undang-undang mengenai pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 133 untuk menyingkirkan kuasa sesuatu pihak berkuasa tempatan dalam perkara yang berhubungan dengan penyenggaraan, pembaikan dan peruntukan lubang abu, tong sampah dan bekas-bekas yang sepejalnya.

4. *Fasal 3* mengandungi peruntukan kecualian.

### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2071]